

Hishammuddin saran hayati semangat juang

BH-16/6/2007

PEMIMPIN generasi muda, khususnya dalam Umno dan Barisan Nasional (BN) perlu menghayati dan mencontohi kehidupan, jasa, khidmat dan semangat juang Tun Abdul Razak Hussein demi membela nasib rakyat dan membangunkan negara ini.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata terlalu banyak nilai yang boleh dipelajari dan diteladani daripada Allahyarham Tun Razak, Perdana Menteri

kedua yang pada hayatnya sentiasa memikirkan rakyat.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, melalui usaha keras Tun Razak, pelbagai agensi untuk manfaat rakyat dan negara ditubuhkan seperti Felda, Felcra, Pernas, Petronas dan Penerbangan Malaysia (MAS).

“Sesungguhnya banyak lagi sumbangan dan pengorbanan beliau (Tun Razak) lakukan untuk pembangunan agama, bangsa dan negara ini. Felda

umpamanya, adalah antara cetusan idea beliau yang cukup bijaksana dan berpandangan jauh hingga dikagumi negara asing hingga kini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Seminar Legasi Tun Razak kepada Pembangunan Negara di sini, semalam.

Sebagai seorang pemimpin, keikhlasan dan kesetiaan adalah dua sifat penting yang wujud dalam jiwa Tun Razak dan ini dapat diamati mereka yang bertugas bersama dan di bawah

kepemimpinannya.

Kesetiaan Tun Razak kepada Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra sebahagian daripada kisah penting dalam Umno dan menjadi pengajaran sangat berharga bagi semua yang berjuang demi parti dan bangsa.

Malah, beliau sebenarnya memujuk Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri keempat untuk kembali ke pangkuan Umno selepas disingkirkan.

Katanya, kisah kepemimpinan Tun Razak penuh dengan coretan suka dan duka yang menunjukkan wawasan global dapat dicapai sambil membawa manfaat besar kepada negara.

“Alangkah rugi jika kita sebagai pewaris khazanah kepemimpinan yang tidak terkira nilainya ini, tidak mengambil peluang untuk belajar daripadanya supaya kita boleh meneruskan perjuangan murni beliau yang belum selesai,” katanya.